

SOALAN NO: 24

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
JAWAPAN OLEH YB DATUK SERI DR. S. SUBRAMANIAM
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB DR. AZMAN BIN ISMAIL [KUALA KEDAH]
TARIKH : 16 NOVEMBER 2017
SOALAN : 24

YB Dr. Azman Bin Ismail [Kuala Kedah] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan sebarang perkembangan yang signifikan dalam kawalan dan rawatan penyakit demam denggi di Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua,

Pencegahan dan kawalan penyakit Denggi memerlukan pendekatan efektif secara bersepadu melalui Pasukan Petugas Khas Denggi. Berdasarkan pemantauan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM), didapati terdapat tren penurunan kes bermula dari awal Ogos 2017 dan ini disumbangkan oleh pelaksanaan aktiviti-aktiviti pembersihan persekitaran untuk menghapuskan tempat pembiakan nyamuk Aedes secara gotong-royong bersepadu yang melibatkan tanah lot kosong, tapak binaan, kawasan tumpuan awam dan tempat pelupusan sampah.

Tambahan lagi, aktiviti pencegahan dan kawalan Denggi secara intensif telah dijalankan sejak sebelum Sukan SEA 2017 bermula lagi dan berterusan sehingga tamat Sukan Para ASEAN 2017. Ini juga menyumbang kepada penurunan bilangan kes.

Selain itu, KKM juga mengadakan inisiatif lain dalam pelaksanaan aktiviti kawalan seperti menggunakan racun serangga jenis sintetik piretroid, organofosfat, racun pembunuh jentik-jentik *Temephos* atau *Bacillus thuringiensis israelensis* (Bti) dan semburan *Outdoor Residual Spray* di bangunan strata terutama di lokaliti hotspot. KKM juga menggunakan perangkap nyamuk yang dicipta oleh Institut Penyelidikan Perubatan (IMR) iaitu MyMat yang berupaya memerangkap nyamuk dewasa serta membunuh jentik-jentik.

KKM juga sedang giat melaksanakan aktiviti pelepasan nyamuk ber*Wolbachia* di lokaliti terpilih bagi mengurangkan populasi nyamuk *Aedes* dan menyebabkan nyamuk *Aedes* yang infektif tidak boleh menyebarkan virus denggi.

Tuan Yang di-Pertua,

Buat masa ini, tiada rawatan khusus dan belum ada vaksin yang berkesan untuk mencegah denggi. Langkah pencegahan terbaik adalah menghapuskan tempat pembiakan *Aedes*, melindungi diri dari gigitan nyamuk dan juga kawalan vektor.

Oleh itu, satu strategi yang komprehensif untuk memastikan kebersihan persekitaran yang 'sifar' pembiakan *Aedes* seperti Dasar Kebersihan Kebangsaan perlu diwujudkan dan diterajui oleh Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT). Dengan adanya dasar ini, semua kementerian dan agensi mempunyai matlamat mencapai 'Malaysia Bersih' dan sejahtera.